

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Open letter from Lynas</u> The Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry (MESTECC) also released a statement on December 4 relating to the decision of the ministry to subject Lynas Malaysia to two new preconditions for its licence renewal on September 2, 2019 and future permission renewals in relation to residue management (detailed below). The statement is available via the MESTECC Twitter page.	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Lynas Shares Crash On Malaysian Review</u> “This is disappointing as the Ministry’s intention to impose new conditions contradicts a media statement issued on 30 October 2018 by MESTECC (Minister for Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change) which stated that Cabinet would review the Review Committee’s report before any decisions were announced. This process does not appear to have been followed,” Lynas said.	Share Cafe	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Lynas weighs options for radioactive waste in Malaysia</u> Lynas was left reeling by a shock announcement by the Malaysian energy and environment ministry on Tuesday that waste removal would be a pre-condition for any future licence to operate.	Financial Review	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Lynas terkejut dengan prasyarat pembaharuan lesen</u> Lynas Corporation Ltd (Lynas) terkejut dengan keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berhubung prasyarat pembaharuan lesen	Berita Harian	Klik pada tajuk berita

	kepada LAMP untuk terus beroperasi di negara ini.		
5.	<u>Rampas tanah jika masih ingkar / Rampas tanah jika ingkar</u> Menurutnya, justeru, Operasi Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK), Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dilaksanakan di tapak pelupusan sampah haram berkenaan, semalam.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 1
6.	<u>S'gor to ban import of plastic waste in 5 years</u> The Selangor government plans to completely ban the import of plastic waste into the state within the next three to five years, the state legislative assembly was told.	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Selangor haram import plastik dalam tempoh 3-5 tahun / Haram import plastik dalam tempoh 3-5 tahun</u> Namun begitu beliau berkata permasalahan itu dapat diatasi selepas beberapa tindakan diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap pihak bertanggungjawab.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 2
8.	<u>Enam pusat pengumpulan e-waste diwujudkan di Pahang / Pahang wujud enam pusat pengumpulan e-waste</u> Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang membuka enam pusat pengumpulan sisa kitar semula barangan elektronik (e-Waste) di negeri ini.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 3
9.	<u>Amaran cuaca peringkat waspada di negeri Pantai Timur</u> Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) mengeluarkan notis amaran cuaca waspada peringkat kuning di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung susulan angin kuat pada Jumaat ini.	Astro Awani	Klik pada tajuk berita

10.	<u>Amaran kuning di Terengganu 6 hingga 7 Disember / Amaran kuning di Terengganu</u> Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning bagi semua daerah di Terengganu selama dua hari bermula esok.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 4
11.	<u>Malaysia investing in data-driven future – but obstacles remain</u> An example of this occurred just last month when the Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) invited small and medium enterprises (SMEs) to get onboard with the fourth industrial revolution by embracing the launch of the Centre of 9 Pillars (Co9P) initiative.	Data Centre News Asia	Klik pada tajuk berita
12.	<u>Lynas terkejut, kecewa keputusan kementerian</u> Keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berhubung prasyarat pembaharuan lesen kepada Lynas Corporation Ltd. (Lynas) untuk terus beroperasi di negara ini adalah tidak selari dengan laporan berdasarkan kajian saintifik dan pakar oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian kilang berkenaan.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
13.	<u>Kecewa laporan tak selari</u> Lynas Corporation Ltd (Lynas) terkejut dengan keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berhubung prasyarat pembaharuan lesen kepada Lynas Advance Materials Plant (LAMP) untuk terus beroperasi di negara ini.	Harian Metro	Rujuk lampiran 6
14.	<u>Selesai isu penstoran sisa</u> Semalam, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin menyampaikan keputusan laporan daripada jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Material Plant (LAMP) meminta agar Lynas mengatasi masalah penstoran sisanya mengikut jangka waktu yang	Sinar Harian	Rujuk lampiran 7

	ditetapkan dalam syarat lesen penstoran sisanya.		
15.	<u>Projek solar terbesar Malaysia mula operasi</u> Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menetapkan sasaran bahawa 20 peratus daripada tenaga elektrik negara akan dijana menerusi sumber boleh diperbaharui menjelang 2030.	Berita Harian	Rujuk lampiran 8
16.	<u>Lynas to proceed with facility</u> This is in spite of the Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry's decision to impose a pre-condition for Lynas to remove the WLP residue from Malaysia.	The Star	Rujuk lampiran 9
17.	<u>Sisa sampah bersatu di pusat pelupusan?</u> Ini kerana menurut Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTEC), Yeo Bee Yin, sisa-sisa yang diasingkan di peringkat isi rumah dicampurkan semula di tempat pelupusan sampah.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
18.	<u>Tiada lagi penyedut minuman plastik</u> Masih ingatkah anda tentang reaksi berbeza dan tidak kurang juga dengan kecaman yang diterima oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) apabila menyuarakan pengharaman penggunaan penyedut minuman plastik di Wilayah Persekutuan bermula 1 Januari 2020?	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
19.	<u>Open letter by Lynas</u> The Minister for Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) also released a statement on 4 December relating to the decision of the Ministry to subject Lynas Malaysia to two new pre-conditions for its licence renewal on 2 September 2019 and future permission renewals in relation to residue management (detailed below).	New Straits Times	Rujuk lampiran 12

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
20.	<u>Polis belum terima laporan bedah siasat kali kedua CEO Cradle Fund</u> Polis masih belum menerima laporan bedah siasat kali kedua milik Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Cradle Fund Sdn Bhd yang maut dalam kebakaran di rumahnya Jun lalu.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Tech: More local companies interested in blockchain as hype subsides</u> In Malaysia, several listed companies have announced blockchain-related pursuits with some even partnering the more established players in the field. For example, CIMB Group Holdings Bhd has announced a strategic collaboration with Ripple to enable instant cross-border payments across its various markets.	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
22.	<u>Growing M&A bustle as Malaysia moves past GE14</u> “Coupled with the finance minister’s announcement on investments to facilitate readiness for the Fourth Industrial Revolution, foreign investors with relevant technology are also looking at digitising fundamentally strong but traditional businesses (namely blockchain technology providers working with financial institutions) in Malaysia, spurring further M&A potential,” she says.	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Malaysia’s ‘Silicon Valley’ seeks a reboot</u> Putrajaya announced it intends to revitalise Cyberjaya as the country prepares to embrace the Industry Revolution 4.0, which involves big data analytics; data science; the Internet of Things; as well as blockchain technology.	Malaysian Reserve	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Kesatuan sekerja perlu berubah sikap - Dr.Mahathir</u> Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita

	berkata, dalam konteks masa kini, peranan kesatuan sekerja melangkaui tradisi kerana perubahan teknologi, automasi dan robotik jika tidak ditangani akan mengakibatkan pekerja ketinggalan		
25.	<u>Unions are bridges between staff and bosses</u> Dr Mahathir also said that fast-changing technology, automation and robotics, if not embraced quickly, will result in workers being left behind and not becoming relevant.	The Star	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Dr M: Unions should be 'bridges' between workers, employers</u> He said fast-changing technology, automation and robotics, if not embraced quickly will result in workers being left behind and not becoming relevant.	The Borneo Post	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Banjir, 31 penduduk dipindah</u> Hujan berterusan, kadangkala lebat sejak semalam menyebabkan seramai 31 penduduk daripada lapan keluarga di Kampung Besol Lama, Bandar Bukit Besi dekat sini terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di sini pagi tadi.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Selangor siapkan projek saliran terbengkalai selesai isu banjir</u> Kerajaan Selangor akan menyelesaikan semua projek sistem saliran terbengkalai yang menyebabkan kejadian banjir di negeri ini pada tahun hadapan.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
29.	<u>Kampung Besol Lama dilanda banjir</u> Hujan lebat berterusan sejak semalam menyebabkan Kampung Besol Lama, Bukit Besi dekat sini mula dilanda banjir hari ini.	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
30.	<u>IPD Hulu Terengganu cipta bot amfibia</u> Sepasukan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu di sini berjaya menghasilkan bot amfibia pertamanya bagi	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita

	mengangkut dan menyelamatkan mangsa-mangsa banjir.		
31.	<u>IPD Hulu Terengganu cipta bot amfibia bantu mangsa banjir</u> Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Terengganu berjaya mereka cipta bot amfibia yang mampu bergerak di daratan dan air untuk kegunaan pada musim banjir tidak lama lagi.	Kosmo!	Klik pada tajuk berita
32.	<u>Hubungi 999 jika hadapi banjir serius</u> Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Kuala Selangor menasihatkan penduduk yang berdepan musibah banjir supaya segera menghubungi pihak berwajib.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
33.	<u>UMP and Asahitechno study flood mitigation tech / UMP, Japanese firm to develop flood-mitigation technology</u> Universiti Malaysia Pahang's (UMP) Centre for Earth Resources Sustainability Centre (ERAS), together with Japanese firm Asahitechno Co Ltd Japan, has embarked on technology-sharing collaboration in addressing flood problem in the state.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 13
34.	<u>Flood-mitigation projects for Miri City to be sped up</u> The RM25 million flood-mitigation projects for Miri City will be implemented expeditiously as part of the permanent solution for flood-prone areas in the city.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
35.	<u>Selangor promises to cut flash floods</u> The Selangor state government has pledged to minimise flash floods by resolving uncompleted flood mitigation projects.	Malay Mail	Klik pada tajuk berita
36.	<u>NAHRIM prepared to assist in water conservation efforts: Xavier</u> Natural phenomena have become alarming with the climate change the rising sea level effects such as coastal erosion, river estuaries, runoff sediment, flood frequency, drought, polluted	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita

	water resources and the environment.		
37.	<u>FRIM objects to proposed development</u> He said he was particularly concerned that the proposed development may affect FRIM's chances of achieving the Unesco World Heritage Site (WHS) status, apart from opening the floodgate of demands for further degazettement of the forest reserve for development purposes.	The Star	Klik pada tajuk berita
38.	<u>Projek solar terbesar beroperasi</u> Projek solar terbesar di Malaysia milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Mukim Tanjung 12, Sepang, Selangor telah mula beroperasi dan menyumbang tenaga boleh diperbaharui (RE) ke Grid Nasional pada tengah malam 23 November lalu.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita atau rujuk lampiran 14
39.	<u>Projek solar berskala besar TNB tingkat kapasiti tenaga / Solar terbesar Malaysia mula tugas</u> Projek Solar Berskala Besar (LSS) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang beroperasi sejak 23 November lalu berjaya meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu (RE) TNB ke grid nasional kepada 73.2MW.	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 15
40.	<u>TNB's Mukim Tanjung 12 LSS contributes 73.2 MW of RE to national grid / TNB contributes 73.2MW to national grid</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) is now contributing 73.2 MW of renewable energy (RE) to the national grid in line with the government's target of generating 20 per cent of RE resources by 2030.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 16
41.	<u>Projek solar terbesar Malaysia mula operasi</u> Projek Solar Berskala Besar (LSS) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Mukim Tanjung 12, Sepang, Selangor sudah mula beroperasi dan menyumbang tenaga boleh baharu (RE) ke grid nasional pada tengah malam 23 November lalu.	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
42.	<u>Projek LSS mula beroperasi</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita dan

	Projek Solar Berskala Besar (LSS) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Mukim Tanjung 12, Sepang, Selangor sudah mula beroperasi dan menyumbang tenaga boleh baharu (RE) ke grid nasional bermula tengah malam 23 November lalu.		rujuk lampiran 17
43.	<u>Micro-hydro for remote villages</u> The Government has agreed, in principle, to build a micro-hydro system in all villages in Sabah which are too remote to be connected to the state electricity grid.	Daily Express	Klik pada tajuk berita
44.	<u>Acromec unit, Chew's to power energy plant with chicken waste</u> Acromec's subsidiary has signed a letter of intent (LOI) with egg producer Chew's Group to operate a waste-to-energy power plant that will use chicken manure as feed stock.	The Straits Times	Klik pada tajuk berita
45.	<u>EEC berjaya jimatkan penggunaan elektrik lebih RM134,000 di sekolah</u> Cabaran Kecekapan Tenaga (EEC) di kalangan sekolah-sekolah di seluruh negara anjuran Suruhanjaya Tenaga pada tahun ini berjaya menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 428,311kw/jam iaitu bersamaan RM134, 147 untuk tempoh enam bulan.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
46.	<u>Xavier: More subject matter experts needed in biodiversity / 'Nation needs to groom experts in biodiversity, climate change'</u> The country needs to have continuity in grooming experts in the field of climate change and biodiversity, or we will keep going back to retraining new individuals all the time, without showcasing Malaysia to the world.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita dan rujuk lampiran 18
47.	<u>Malaysia plans to roll out new high-tech car in four years</u> Economic Affairs Minister Azmin Ali told reporters on Monday "we will share the prototype with the public soonest next year" and that "the main objective is to enhance our	The Straits Times	Klik pada tajuk berita

	engineering capacity among Malaysians and to build a new ecosystem which is very deeply involved in innovation and technology".		
48.	<u>TNB completes solar power job</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) has completed its 50MW solar power project in Sepang, Selangor – the largest solar project in the country.	The Star	Rujuk lampiran 19
49.	<u>TNB starts operations of Malaysia's largest solar plant</u> Tenaga Nasional Berhad (TNB) which commenced operations of the country's largest Large-Scale Solar (LSS) photovoltaic plant on Nov 23, expects the plant to generate 1,700 megawatts (MW) of renewable energy by 2025.	The Sun Daily	Rujuk lampiran 20
50.	<u>Conscience in age of big data</u> The past industrial revolutions tested our skills and resilience to combat labour challenges. This time, we are faced with a greater challenge – our conscience.	The Star	Rujuk lampiran 21
51.	<u>Projek solar terbesar negara mula beroperasi di Sepang</u> Projek Solar Berskala Besar (LSS) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Mukim Tanjung 12, Sepang, Selangor telah mula beroperasi dan menyumbang tenaga boleh diperbaharui (RE) ke grid nasional pada tengah malam 23 November lalu.	Kosmo!	Rujuk lampiran 22
52.	<u>Import of recyclable plastics to go on</u> Selangor assemblymen are unhappy that the state will not stop the import of recyclable plastic indefinitely despite the Federal Government's pro-green efforts.	The Star	Rujuk lampiran 23
53.	<u>UMP kaji teknologi tangani banjir</u> Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mendapat kepercayaan daripada pihak antarabangsa bagi menjalankan penyelidikan bagi menghasilkan inovasi atau sistem memberi	Harian Metro	Rujuk lampiran 24

	manfaat kepada rakyat.		
54.	<u>Penapis air sistem solar</u> Ketiadaan dan kekurangan air bersih akibat banjir di Kelantan pada tahun 2015 menjadi ilham kepada pensyarah Universiti Malaya (UM), Profesor Dr Mohd Azlan Hussain membangunkan Sistem Penapisan Air Ultra Mudah Alih Berkuasa Solar.	Harian Metro	Rujuk lampiran 25
55.	<u>Our attitude can save the environment</u> Solid waste is one of the three major environmental problems in the country. According to SWCorp Malaysia, a government agency dealing with the solid waste, Malaysians generate about 38,000 tonnes of waste per day.	New Straits Times	Rujuk lampiran 26

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
56.	<u>Gempa bumi 5.2 Richter gegar Chile</u> SANTIAGO 6 Dis. - Gempa bumi berukuran 5.2 skala Richter menggegarkan kawasan pantai di tengah Chile, hari ini.	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
57.	<u>Tsunami warning issued after 7.6 quake off New Caledonia</u> NOUMÉA: A powerful undersea earthquake with a magnitude of 7.6 struck off the east coast of New Caledonia in the South Pacific on Wednesday, said the Pacific Tsunami Warning Center, adding tsunami waves had been observed.	New Straits Times	Klik pada tajuk berita
58.	<u>Snag in the Crusade against Global Warming</u> Grim future awaits humanity if we fail to act decisively on the matter; countries must refocus on carbon-capturing technologies.	New Straits Times	Rujuk lampiran 27
59.	<u>Gempa kuat melanda New Caledonia</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 28

	NOUMEA, New Caledonia – Pihak pentadbir New Caledonia semalam mengarahkan pengosongan di kawasan pesisir pantai susulan satu amaran tsunami selepas kejadian gempa bumi kuat bawah laut berukuran 7.6 magnitud.		
60.	<u>Siberian region fights to preserve permafrost as planet warms</u> YAKUTSK: Eduard Romanov points to a spot on a block of flats where a major supporting beam has sagged and begun to crack, destabilising the nine storeys of apartments above.	The Star	Rujuk lampiran 29

LAMPIRAN 1
SINAR HARIAN (KLANG): MUKA SURAT 22
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Rampas tanah jika ingkar

Tanah tapak sampah haram di Taman Teluk Gedung Indah disita

AZIE YAHAYA

KLANG

Pemilik yang menjadikan tanah milik mereka tapak pembuangan sampah haram berhampiran Taman Teluk Gedung Indah, di Pelabuhan Klang, berdepan tindakan undang-undang, termasuk tanah mereka dirampas.

Pegawai Daerah Klang, Mohd Zainal Mohd Nor berkata, pihaknya tidak boleh bertolak ansur dengan pemilik tanah yang terus berdegil walaupun sudah diberikan amaran.

"Awal April tahun lalu, kita menerima maklumat mengenai aktiviti pembuangan sampah di kawasan berkenaan.

"Malah notis kepada pemilik tanah di lot 1847 dan lot 1854 turut dikeluarkan pada 27 April tahun lalu supaya menghentikan operasi pembuangan sampah," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Pembuangan sampah masih aktif

Bagaimanapun, aktiviti pembuangan sampah di kawasan itu dikesan masih aktif selepas pihaknya menerima laporan berhubung perkara itu. Justeru, kata beliau, Operasi Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu bersama Majlis Perbandaran Klang (MPK), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor dijalankan di tapak pelupusan sampah haram



Anggota penguatkuasa meletakkan papan amaran di laluan masuk ke tapak pembuangan sampah haram itu dalam Operasi Tindakan Penguatkuasaan Bersepadu yang dijalankan, kelmarin.



MOHAMAD YASID

berkenaan, kelmarin.

"Terdapat bukti pembuangan sampah yang kembali beroperasi di lot 1848, lot 1851 dan lot 1854. Aktiviti ini juga melibatkan pencerobohan di tanah kerajaan di lot 1849 dan lot 1850.

"Kita telah mengeluarkan notis pencerobohan tanah kerajaan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara ke atas kedua-dua lot tersebut yang melibatkan struktur bangunan (kilang papan) dan tapak pembuangan sampah.

"Jika sabit kesalahan, penceroboh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun, atau kedua-duanya," katanya.

Pejabat daerah keluar notis

Tambah Mohd Zainal, pihaknya turut mengeluarkan Notis 7A, di bawah Seksyen 128 dan 129 Kanun Tanah Negara iaitu Notis Untuk Me-



Sinar Harian 3 Disember lalu yang menyiarkan isu berkenaan.

mulihkan Pelanggaran Syarat Tanah. "Pemilik tanah diberi tempoh selama tiga bulan dan tindakan perampasan tanah boleh diambil jika pemilik gagal mematuhi perintah notis.

"Kita turut memasang pita kuning dan papan tanda amaran di laluan masuk ke tapak pembuangan sampah haram itu.

"Skuad Pantas MPK juga akan menjalankan pemantauan berterusan bagi menghalang sebarang aktiviti pembuangan sampah di situ," katanya.

Operasi dijalankan selama tiga jam dan berakhir jam 3 petang itu diketuai Penolong Pegawai Daerah Klang, Mohammad Saiful Azri Fouzi melibatkan 40 anggota daripada pihak agensi terbabit.

Kelmarin, Sinar Harian melaporkan lebih 100 keluarga di Taman Teluk Gedung Indah, di sini, menanggung derita apabila terpaksa berdepan dengan masalah pencemaran bau sejak dua tahun lalu berikutan wujudnya tapak pelupusan sampah haram. Penduduk mendakwa, tapak pelupusan sampah haram



Tapak sampah haram menimbulkan masalah kepada penduduk setempat.

itu hanya terletak kira-kira 30 meter dari kawasan perumahan sekali gus menjejaskan kualiti kehidupan mereka apabila terpaksa berhadapan dengan bau busuk setiap masa.

Pemilik tanah diberi tempoh 14 hari

Majlis Perbandaran Klang (MPK) mengeluarkan notis kepada pemilik tanah supaya melakukan kerja pembersihan tapak pelupusan sampah haram.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, pemilik tanah diberi tempoh 14 hari untuk memberhentikan aktiviti tersebut dan memulihkan semula tanah kepada keadaan asal.

Katanya, pihaknya mendapati aktiviti meratakan tanah dan pembuangan sampah industri terutamanya plastik secara haram melibatkan sebahagian tanah kerajaan serta tanah persendirian.

"Bagi lot 1849 dan lot 1850, Pejabat Tanah dan Daerah telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan lima notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 dan

memacak tiga papan tanda amaran pencerobohan tanah kerajaan.

"Kita juga mengeluarkan Notis Pemberitahuan kepada pemilik tanah kerana menyalahi Seksyen 18, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, iaitu menjalankan aktiviti bercanggah dengan zon perancangan gunatanah berdasarkan Rancangan Tempatan MPK (Penggubahan 4) 2020 dan Seksyen 19, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, iaitu menjalankan kemajuan tanpa kebenaran merancang bagi lot 1848, 1851 dan 1854," katanya.

Menurut beliau, MPK akan memperhebatkan lagi operasi bersepadu bersama agensi lain bagi membanteras aktiviti pembuangan sampah haram di daerah ini.

"Mana-mana pihak tidak boleh menceroth tanah tanpa kebenaran pihak berkuasa termasuk menjadikannya tapak pembuangan sampah haram.

"Kita memandang serius perkara ini dan akan mengenakan tindakan tegas kepada mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang sedia ada," katanya.



Tanah tapak sampah haram disita.

LAMPIRAN 2
SINAR HARIAN (SIDANG DUN SELANGOR): MUKA SURAT 18
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Haram import plastik dalam tempoh 3-5 tahun

KERAJAAN Selangor akan mengharamkan semua import sisa plastik di negeri ini dalam tempoh tiga hingga ke lima tahun akan datang.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Hee Loy Sian berkata, tempoh masa tersebut bersesuaian bagi memberikan sedikit masa kepada pengusaha-pengusaha kilang import plastik yang beroperasi secara sah di negeri ini.

"Bagi mereka (pengusaha molang sah) sedikit masa. Saya rasa kalau hanya untuk gantung sisa plastik, ia tak cukup untuk jalankan aktiviti harian mereka.

"Mereka terpaksa import, sebab itu saya bersetuju kita kena beranaur-ansur haramkan sisa plastik ini," katanya.

Loy Sian berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Pas-Sijanggang) mengenai dasar Kerajaan Selangor berhubung import sisa plastik di negeri ini.

Mengulas lanjut, Loy Sian

yang juga merupakan Adun Kajang memaklumkan bahawa sebagai kerajaan negeri yang adil, isu melibatkan sisa plastik ini perlu dilihat secara menyeluruh bagi memberi keadilan buat semua pihak.

"Kita setuju sisa plastik ini perlu dikawal dimana hanya kilang-kilang yang sah sahaja dibenarkan untuk import.

"Kerajaan Selangor turut menetapkan levi yang lebih tinggi bagi menunjukkan kita tidak menggalakkan import sisa plastik di negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, Loy Sian

memaklumkan bahawa selepas PH mengambil alih pentadbiran kerajaan pusat, Kerajaan Selangor dimaklumkan bahawa keadaan sisa plastik di Kuala Langat, Klang dan Ijok berada dalam keadaan tidak terkawal.

Namun begitu, beliau berkata, permasalahan itu dapat diatasi selepas beberapa tindakan diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap pihak bertanggungjawab.

LAMPIRAN 3
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Mahamud (tengah) bersama penuntut Polisas bergambar pada Program Kesedaran E-Waste dan Majlis Pelancaran Pusat Pengumpul E-Waste di Polisas, semalam.



Pahang wujud enam pusat pengumpulan e-waste

KUANTAN- Enam pusat pengumpulan sisa kitar semula barangan elektronik (e-waste) telah diwujudkan di negeri ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (Jas) negeri, Rosli Zul berkata, pusat pengumpulan itu ditempatkan di Bentong, Temerloh, Jerantut dan dua lagi di bandar Kuantan.

Menurutnya, semua pusat pengumpulan ini akan dikendalikan dan diuruskan secara bersama antara Jas dengan syarikat elektronik Senheng Electric Sdn Bhd (Senheng).

"Ada enam kategori e-waste dari isi rumah yang boleh dikitar semula seperti televisyen, peti sejuk, mesin basuh, penghawa dingin, telefon bimbit dan komputer peribadi yang sudah tidak lagi digunakan ke pusat e-waste disediakan.

"Jadi orang ramai boleh berbuat demikian sekiranya terdapat ba-

rangan yang disenaraikan itu sudah tidak digunakan lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Kesedaran E-Waste dan Majlis Pelancaran Pusat Pengumpul E-Waste di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas), semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalannya, Mahamud Ismail.

Turut hadir Timbalan Pengarah (Akademik) Polisas, Che Alias Mohd Yusof dan Timbalan Pengarah Sokongan (Akademik) Polisas, Shahrul Nizam Mohamed.

Dalam pada itu, Rosli berkata, menerusi peraturan sedia ada, pihaknya berupaya menguruskan buangan e-Waste dari sektor industri secara mesra alam sekitar.

Justeru, menurutnya, kempen kesedaran lebih agresif perlu dilakukan di negara ini bagi mendedahkan kepada orang ramai berhubung

kaedah pelupusan sisa buangan elektronik yang betul untuk mengelak daripada berlakunya ancaman kepada alam sekitar.

Sehubungan itu, Rosli memaklumkan sejumlah 700,000 tan metrik e-waste dari isi rumah, sektor perniagaan dan institusi berkaitan dihasilkan secara purata di negara ini setiap tahun.

"Sehubungan itu, dengan adanya pusat pengumpulan e-waste seperti yang kita lancarkan di Polisas hari ini (semalam), kita harap orang ramai akan lebih peka dengan kepentingan aspek penjagaan alam sekitar.

"Sebenarnya, kita ada akta membabitkan sisa buangan e-waste ini dan ia disenaraikan sebagai (sisa) buangan terjadual mengikut Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005," katanya.

LAMPIRAN 4
SINAR HARIAN (SETEMPAT): MUKA SURAT 35
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

AMARAN CUACA WASPADA (KUNING)



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN TERAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN IKLIM





Amaran cuaca dikeluarkan JMM.

Masa dikeluarkan:
5:00 petang: 5 Disember 2018

Amaran kuning di Terengganu

KUALA TERENGGANU – Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat kuning bagi semua daerah di Terengganu selama dua hari bermula hari ini.

Menurut kenyataan itu, selain Terengganu amaran cuaca waspada kuning itu turut melibatkan Kelantan dan daerah Jerantut dan Kuantan, Pahang.

“Angin timuran dari Lautan Pasifik Barat dijangka bertiup secara konsisten dan bertumpu di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung.

“Angin dengan kelajuan sehingga 40 kilometer sejam dengan ombak menca-

pai 2.5 meter juga dijangka berlaku di perairan Terengganu dan Kelantan dalam tempoh tersebut,” kata kenyataan itu.

Sementara itu, laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu pula memaklumkan paras air Sungai Chalok di Jambatan Chalok, Setiu kini berada pada tahap bahaya.

Sehingga jam 5 petang semalam, tiga sungai pula berada pada paras berjagajaga iaitu Sungai Nerus di Kampung Langkap, Sungai Nerus di Kampung Bukit, Setiu dan Sungai Telemong di Kuala Ping, Hulu Terengganu.

LAMPIRAN 5
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Lynas terkejut, kecewa keputusan kementerian

KUANTAN 5 Dis. - Keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berhubung prasyarat pembaharuan lesen kepada Lynas Corporation Ltd. (Lynas) untuk terus beroperasi di negara ini adalah tidak selari dengan laporan berdasarkan kajian saintifik dan pakar oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian kilang berkenaan.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Amanda Lacaze berkata, laporan jawatankuasa itu menunjukkan bahawa Lynas berasaskan teknologi dan prosedur yang terkawal dengan risiko yang rendah serta mematuhi standard keselamatan, kesihatan dan alam sekitar mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

Jadi katanya, pihaknya terke-

jut dengan keputusan kementerian itu yang bertentangan dengan amalan di peringkat antarabangsa.

"Keputusan itu (prasyarat) seperti polisi berdasarkan politik bukannya berdasarkan sains, ia agak mengecewakan apabila menerimanya pada waktu yang sama laporan penilaian jawatankuasa berkenaan dikeluarkan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam mengenakan dua syarat untuk pembaharuan lesen LAMP antaranya menghantar sisa mengandungi bahan radioaktif



AMANDA LACAZE

keluar dari negara ini.

Kenyataan itu menyebut LAMP perlu memastikan sisa Fosfogypsum Besi (WLP) yang mengandungi bahan radioaktif hendaklah dihantar keluar dari negara ini.

Manakala bagi sisa buangan terjadual Gypsum Magnesium (NUF) yang bukan radioaktif, syarikat itu perlu mengemukakan suatu pelan tindakan bagi pelupusan buangan yang terkumpul sebelum ia boleh dipertimbangkan bagi permohonan kelulusan di bawah Peraturan 9 (6) dan 9 (7), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

LAMPIRAN 6
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 34
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Kecewa laporan tak selari



AMANDA

Kuantan: Lynas Corporation Ltd (Lynas) terkejut dengan keputusan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim berhubung prasyarat pembaharuan lesen kepada Lynas Advance Materials Plant (LAMP) untuk terus beroperasi di negara ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutifnya, Amanda Lacaze berkata, ia tidak selari dengan laporan berdasarkan kajian saintifik dan pakar oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Mengenai Operasi LAMP di Gebeng, dekat sini, sekali gus bertentangan dengan amalan di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, pihaknya menghormati dan gembira dengan laporan penilaian jawatankuasa eksekutif menunjukkan bahawa LAMP yang berasaskan teknologi dan prosedur terkawal dengan risiko rendah dan mematuhi standard keselamatan, kesihatan serta alam sekitar mengikut peruntukan undang-undang sedia ada.

“Ia (prasyarat) berkenaan seperti polisi berdasarkan politik bukan berdasarkan sains. Memang mengecewakan apabila menerimanya pada waktu yang sama laporan penilaian jawatan-

kuasa berkenaan dikeluarkan.

“Bagaimanapun, kita yakin kita dapat menguruskan sebarang perubahan dan pelaburan jangka panjang akan terus kukuh,” katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam kenyataan yang dikeluarkan kelmarin, mengenakan dua syarat untuk pembaharuan lesen LAMP antaranya menghantar sisa mengandungi bahan radioaktif keluar dari negara ini.

Kenyataan itu menyebut LAMP perlu memastikan sisa Water Leached Purification Residue (WLP) yang mengandungi bahan radioaktif hendaklah dihantar keluar dari Malaysia dan bagi sisa buangan terjadual Neutralization Underflow Residue (NUF) yang bukan radioaktif, LAMP perlu mengemukakan suatu pelan tindakan bagi pelupusan buangan yang terkumpul sebelum ia boleh dipertimbangkan bagi permohonan kelulusan di bawah Peraturan 9 (6) dan 9 (7), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

LAMPIRAN 7
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 20
TARIKH: 6 DISEMBER 2018 (KHAMIS)

Selesai isu penstoran sisa

**Lynas tidak
dibenar keluar
sisa nadir bumi
jika gagal**

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Lynas Corporation Ltd (Lynas) tidak akan dibenarkan mengeluarkan sisa nadir bumi sekiranya gagal menyelesaikan masalah penstoran sisa mengikut syarat ditetapkan Kerajaan PH.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, lesen penstoran untuk sisa terjadual Lynas akan tamat tempoh pada 15 Februari tahun hadapan dan syarikat terbabit seharusnya segera mengatasi

masalah itu mengikut jangka waktu ditetapkan.

Menurutnya, selepas berakhirnya tempoh terbabit, beliau yakin kerajaan PH tidak akan menerima sisa toksik daripada aktiviti Lynas untuk terus tercemar di daerah ini.

"Kesihatan rakyat akan diutamakan. Sebuah syarikat yang bertanggungjawab tidak akan membiarkan jumlah sisanya yang begitu banyak seperti yang dilakukan oleh Lynas distorkan dengan cara yang begitu cuai dan berisiko," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Semalam, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin menyampaikan keputusan laporan daripada Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Material Plant



FUZIAH

(LAMP) meminta agar Lynas mengatasi masalah penstoran sisanya mengikut jangka waktu yang ditetapkan dalam syarat lesen penstoran sisanya.

Dalam pada itu, Fuziah berkata, sejak memulakan operasi pada akhir 2012, Lynas telah menjana sejumlah besar buangan yang telah disimpan di premis penapi-

sannya di Gebeng.

Jelasnya, akibatnya, bahan buangan, baik dari aliran radioaktif dan toksik yang dikenali sebagai 'water leach-hed purification' (WLP) mahupun aliran bukan radioaktif yang diklasifikasikan sebagai sisa terjadual, telah dikumpulkan oleh loji penapisan.

